



KENYATAAN MEDIA

YB PUAN YEO BEE YIN
MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN
PERUBAHAN IKLIM

29 JANUARI 2019

PERUNTUKAN BELANJAWAN DIMANFAATKAN DENGAN LEBIH BAIK UNTUK KUMPULAN SASARAN MELALUI SUBSIDI ELEKTRIK RM40 BAGI GOLONGAN MISKIN DAN MISKIN TEGAR eKASIH

Sepertimana sedia maklum, Belanjawan 2019 memperuntukkan sebanyak RM140 juta untuk subsidi rebat bil elektrik seperti belanjawan-belanjawan sebelumnya sejak tahun 2009.

Walau bagaimanapun, peruntukan belanjawan sebelum ini diagihkan secara automatik kepada semua bil elektrik bawah RM20 tanpa mengira pendapatan bulanan atau kewarganegaraan penerimanya. Susulan daripada itu, **hanya satu pertiga (1/3)** daripada peruntukan itu diagihkan kepada golongan miskin dan miskin tegar.

Subsidi secara menyeluruh ini, atau *'blanket subsidy'* menyebabkan pengagihan rebat turut dinikmati oleh golongan berada yang memiliki kediaman mewah sebagai rumah kedua, ketiga dan seterusnya yang tidak didiami, begitu juga dengan warga asing yang menerima bil kurang daripada RM20.

Selain daripada itu, subsidi RM20 ini hanya diberikan kepada bil di bawah RM20 dan sekiranya bil elektrik pengguna melebihi RM20, mereka perlu membayar sepenuhnya bil tersebut. Sebagai contoh, bil elektrik yang

berjumlah RM21, secara automatik mereka tidak layak menerima subsidi dan terpaksa membayar bil sepenuhnya pada jumlah RM21 dan bukannya RM1 iaitu perbezaan antara bil dan subsidi.

Rebat Bil Elektrik RM40 yang diperkenalkan ini pula menggunakan mekanisma yang berbeza, yang mana kumpulan sasaran miskin dan miskin tegar eKasih hanya perlu membayar perbezaan antara jumlah bil dan rebat. Sebagai contoh, pengguna yang menerima bil elektrik berjumlah RM45, mereka hanya perlu membayar RM5 sahaja.

Sehubungan dengan itu, mulai 1 Januari tahun ini, bantuan subsidi yang diagihkan adalah secara bersasar atau *'targeted'*.

Kerajaan melalui MESTECC telah melipatgandakan jumlah subsidi kepada golongan miskin and miskin tegar eKasih kepada RM40 untuk membolehkan golongan sasaran ini sekurang-kurangnya menggunakan peralatan elektrik asas seperti lampu, kipas, peti sejuk dan televisyen tanpa bebanan bil elektrik.

Sehingga hari ini, sejumlah 66,600 Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih yang tergolong dalam kategori miskin dan miskin tegar telah menerima bantuan Program Rebate Bil Elektrik RM40.

Walau bagaimanapun, selepas mengambil kira Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tahun 2016, iaitu RM980 untuk miskin dan RM619 untuk miskin tegar, kita menasarkannya seramai 208,800 KIR eKasih akan menerima bantuan ini.

Data yang diperolehi oleh kementerian menunjukkan seramai 142,200 KIR eKasih yang layak menerima rebat ini, masih belum berdaftar dengan syarikat utiliti iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB), Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) atau Sarawak Energy Berhad (SEB). Terdapat dua (2) faktor utama yang menyebabkan jumlah pendaftaran penerima rebat kurang daripada sasaran, iaitu:

- Ketua Isi Rumah eKasih tidak mempunyai nombor akaun bil elektrik kerana bil elektrik didaftarkan atas nama ahli keluarga yang lain seperti nama isteri atau anak-anaknya.

- Ketua Isi Rumah dan keluarganya tinggal di rumah sewa dan bil elektrik adalah di atas nama tuan rumah.

Berhubung perkara ini, saya menggesa seluruh pengguna yang layak untuk segera mendaftar nombor akaun bil elektrik anda di mana-mana cawangan TNB, SESB atau SEB yang terdekat.

Sebagai masyarakat penyayang dan prihatin, saya menyeru orang ramai yang mengenali Ketua Isi Rumah yang layak menerima bantuan Program Rebat Bil Elektrik RM40 ini untuk membantu mereka mendaftarkan diri di syarikat utiliti supaya mereka dapat menikmati bantuan program ini.

Seruan ini juga saya panjangkan kepada semua Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri untuk bersikap proaktif dengan turun padang bagi mengenal pasti KIR eKasih miskin dan miskin tegar di kawasan masing-masing untuk membuat pendaftaran.

Dengan penambakan program ini, Kerajaan dapat memastikan golongan yang benar-benar memerlukan dapat dibantu dan mengelakkan ketirisan agihan program sebelum ini.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga dapat membuat penjimatan yang boleh disalurkan kepada program bantuan rebat elektrik yang lain untuk memanfaatkan lebih ramai rakyat. Program bantuan ini akan diumumkan pada suku kedua tahun ini.

Pengguna boleh membuat semakan kelayakan di TNB dengan menghubungi *Careline* di talian 1-300-88-5454 atau di Kedai Tenaga yang berdekatan. Bagi pengguna di Sabah, talian *Helpline* SESB ialah 088-515000 / 15454 dan bagi pengguna di Sarawak, talian *Customer Care* SEB ialah 1-300-88-3111.

Semakan kelayakan boleh dibuat melalui Portal Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), <https://semakanrebat.mestecc.gov.my> atau dengan menghubungi My Government Call Centre (MyGCC) di talian 03-8000 8000.